

MAHA 2018 berkonsep *Segalanya Wanita*

PUTRAJAYA 8 Mac - Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2018 yang akan diadakan selama 11 hari, bermula November ini akan membawa konsep *Segalanya Wanita* sejajar dengan pengisytiharan tahun ini sebagai Tahun Memperkasa Wanita.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, MAHA 2018 bakal menjadi satu himpunan usahawan wanita dari seluruh negara.

Katanya, konsep *Segalanya Wanita* itu turut dibawa dalam siri jelajah *Road to MAHA* yang akan diadakan di tiga lokasi iaitu di Lundu, Sarawak (24-25 Mac), Teluk Intan, Perak (31 Mac-1 April) dan Kemaman, Terengganu (5-7 April).

"Program *Road to MAHA* di Kemaman akan diadakan bersama Karnival Usahawanita 2018 yang menjadi medan untuk ratusan usahawan wanita mempamer dan menjual segala produk terbaik mereka. Selain itu, pengunjung berpeluang berkongsi ilmu dan tip daripada usahawan yang berjaya dalam bidang masing-masing," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sehubungan itu menurut Ahmad Shabery, pihaknya berharap golongan wanita merebut peluang yang disediakan oleh agensi-agensinya di bawah kementeriannya agar matlamat Tahun Memperkasa Wanita dapat direalisasikan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum ini mengisytiharkan 2018 sebagai Tahun Memperkasa Wanita dan inisiatif yang

dilakukan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah sebagai menyahut seruan murni tersebut.

"Kita percaya salah satu aspek memperkasa wanita ialah dengan memberikan keupayaan ekonomi kepada mereka agar dapat membuat keputusan sendiri dalam me-

Program *Road to MAHA* di Kemaman akan diadakan bersama Karnival Usahawanita 2018 yang menjadi medan untuk ratusan usahawan wanita mempamer dan menjual segala produk terbaik mereka. Selain itu, pengunjung berpeluang berkongsi ilmu dan tip daripada usahawan yang berjaya dalam bidang masing-masing."

AHMAD SHABERY CHEEK
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

mentukan kehidupan.

"Sektor pertanian sememangnya menyediakan pelbagai ruang untuk sesiapa sahaja meningkatkan taraf hidup dan pendapatan menerusi keusahawanan termasuklah bidang tanaman, ternakan, perikanan, industri asas tani, makanan dan kulinari," katanya.

Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional telah mengumumkan bahawa separuh daripada RM500 juta dana tahun ini dipertanggungjawabkan kepada usahawan wanita untuk membantu mereka memulakan atau mengembangkan perniagaan.

Pada tahun lalu, TEKUN Nasional telah membiayai sejumlah 18,320 usahawan wanita atau separuh daripada peruntukan dana berjumlah RM380 juta, manakala satu lagi agensi pembiayaan iaitu Agrobank pula memberi pembiayaan sebanyak RM340 juta kepada 11,400 usahawan wanita.



AHMAD SHABERY CHEEK

MAHA 2018 berkonsep *Segalanya Wanita*

PUTRAJAYA 8 Mac - Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2018 yang akan diadakan selama 11 hari, bermula November ini akan membawa konsep *Segalanya Wanita* sejajar dengan pengisytiharan tahun ini sebagai Tahun Memperkasa Wanita.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, MAHA 2018 bakal menjadi satu himpunan usahawan wanita dari seluruh negara.

Katanya, konsep *Segalanya Wanita* itu turut dibawa dalam siri jelajah *Road to MAHA* yang akan diadakan di tiga lokasi iaitu di Lundu, Sarawak (24-25 Mac), Teluk Intan, Perak (31 Mac-1 April) dan Kemaman, Terengganu (5-7 April).

"Program *Road to MAHA* di Kemaman akan diadakan bersama Karnival Usahawanita 2018 yang menjadi medan untuk ratusan usahawan wanita mempamer dan menjual segala produk terbaik mereka. Selain itu, pengunjung berpeluang berkongsi ilmu dan tip daripada usahawan yang berjaya dalam bidang masing-masing," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sehubungan itu menurut Ahmad Shabery, pihaknya berharap golongan wanita merebut peluang yang disediakan oleh agensi-agensi di bawah kementeriannya agar matlamat Tahun *Memperkasa Wanita* dapat di-realisasikan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum ini mengisytiharkan 2018 sebagai Tahun *Memperkasa Wanita* dan inisiatif yang dilakukan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah sebagai menyahut seruan murni tersebut.

"Kita percaya salah satu aspek memperkasa wanita ialah dengan memberikan keupayaan ekonomi kepada mereka agar dapat membuat keputusan sendiri dalam me-



Program *Road to MAHA* di Kemaman akan diadakan bersama Karnival Usahawanita 2018 yang menjadi medan untuk ratusan usahawan wanita mempamer dan menjual segala produk terbaik mereka. Selain itu, pengunjung berpeluang berkongsi ilmu dan tip daripada usahawan yang berjaya dalam bidang masing-masing."

AHMAD SHABERY CHEEK
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

mentukan kehidupan.

"Sektor pertanian sememangnya menyediakan pelbagai ruang untuk sesiapa sahaja meningkatkan taraf hidup dan pendapatan menerusi keusahawanan termasuklah bidang tanaman, ternakan, perikanan, industri asas tani, makanan dan kulineri," katanya.

Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional telah mengumumkan bahawa separuh daripada RM500 juta dana tahun ini diperuntukkan kepada usahawan wanita untuk membantu mereka memulakan atau mengembangkan perniagaan.

Pada tahun lalu, TEKUN Nasional telah membiayai sejumlah 18,320 usahawan wanita atau separuh daripada peruntukan dana berjumlah RM380 juta, manakala satu lagi agensi pembiayaan iaitu Agrobank pula memberi pembiayaan sebanyak RM340 juta kepada 11,400 usahawan wanita.



AHMAD SHABERY CHEEK